

Muhammad Rasul ṣalla' Llāhu 'alayhi wasallam

Hakikat Isra' dan Mi'rajnya

Baharu-baharu ini umat Islam di seluruh dunia telah memperingati

“Isra' dan Mi'raj” junjungan kita Nabi Muhammad (ṣ)
dengan sambutan yang besar dan meriah. Pati makalah tuan
“Muhammad 'Ali Sarjani” yang kita pilihkan di sini
adalah menghuraikan hakikat peristiwa yang luar biasa
ini dengan sejelas-jelasnya – P. Q.

Segala rupa yang terjadi dalam alam ini pada umumnya
ada terbahagi kepada dua jenis: Pertama kejadian biasa dan
kedua kejadian yang luar biasa. Dalam Bahasa Arab
kejadian biasa itu disebut “Amar 'Ādi”, dan
kejadian yang luar biasa itu “Khāriq lil 'Ādat”.

Kejadian biasa ialah kejadian yang am diketahui
sebab-sebab terjadinya dan semua orang pula sanggup
melakukannya serta tidak pula menghairankan.

Kejadian yang luar biasa pula ialah kejadian yang
pada amnya tidak diketahui sebab-sebab terjadinya, dan
semua orang tidak dapat meniru dan melakukannya.

Kejadian yang luar biasa atau “Khāriq lil 'Ādat”
ini pula terbahagi dua: “Khāriq lil 'Ādat yang hakiki”
dan “Khāriq lil 'Ādat yang majazi”.

Khāriq lil 'Ādat yang Hakiki

Khāriq lil 'Ādat yang hakiki bererti pekerjaan atau
kejadian yang luar biasa yang sebab-sebab kejadian itu
sama sekali tidak diketahui oleh seorang manusia jua

pun. Bahkan bagi orang yang terjadi hal itu pada
dirinya sendiri juga tidak mengetahui sebab-sebab itu.
Kerana sebab-sebabnya tidak berada dalam alam lahir (alam benda)
atau alam fizik (alam tabii – P), ini hanya
datangnya dari alam yang ghaib atau metafizik (Māwarā'a
al-Tabi'at – P). Dengan kata-kata yang lain, kejadian itu
terjadi semata-mata dengan kudrat dan iradat yang sama
sekali tidak dapat ditangkap oleh pancaindera yang lima,
bahkan hakikatnya juga sama sekali tidak dapat dicapai
oleh kesanggupan akal, iaitulah zat Allah 'Azza wa Jalla
Tuhan pencipta alam semesta.

Khāriq lil 'Ādat (kejadian luar biasa) yang hakiki
itu pula terbahagi kepada empat jenis :

1. 'Irhās.
2. Mu'jizat.
3. Karamah.
4. Ma'unah.

Irhaṣ: Ialah kejadian luar biasa yang berlaku
atas diri seorang yang sebelum jadi Rasūl Allāh

seperti Nabi 'Isa 'Alaihi al-Salam dapat berkata-kata semasa ia masih kanak-kanak.

Mu'jizat: Iaitu kejadian luar biasa yang berlaku atas diri Rasul-rasul Allah. Mu'jizat Nabi Musa 'alayhi'l-salām, tongkatnya dapat jadi ular naga yang menelan ular khayal ahli-ahli sihir Fir'aun.

Karamah: Ialah kejadian luar biasa yang terjadi pada diri seseorang penganjur agama yang sangat taat kepada Allah, seperti karamah Saidina 'Umar Ibn al-Khaṭāb radiya 'Llāhu 'anhu. Dalam masa Saidina 'Umar sedang berkhotbah di atas mimbar di Masjid Madinah, dari jarak yang sangat jauh ia dapat melihat panglima perang yang bernama Suriyah bersama-sama tenteranya sedang dikepung oleh musuh. Hal ini menyebabkan Saidina 'Umar dengan tiba-tiba berseru: "Suriyah! Suriyah!! Gunung itu! Gunung itu! Berlindunglah di gunung itu!" Semua orang dalam masjid itu tercengang-cengang mendengarnya. Setelah selesai sembahyang, Saidina 'Umar pun menerangkan Sebab-sebabnya maka ia dengan tiba-tiba bertempik itu. (Kitab Nūr al-'Absār).

Ma'unah: Ialah kejadian luar biasa yang berlaku atas diri orang mukmin yang kebanyakan tetapi taat. Seperti Siti Maryam ibu Nabi 'Isa 'alayhi'l-salām, semasa kanak-kanak. Siti Maryam mendapat buah-buahan yang tidak pada musimnya. (seperti yang tersebut di dalam Qur'an).

Khāriq lil 'Ādat Yang Majazi

Khāriq lil 'Ādat yang majazi ertinya: Kejadian luar biasa yang sebab kejadiannya tidak diketahui oleh orang ramai tetapi diketahui oleh sebahagian orang sahaja. Itulah sebab-sebab dikatakan "majazi" yakni luar biasa pada lahirnya sahaja sedang pada hakikatnya ialah perkara biasa sahaja kerana dapat dilakukan oleh manusia.

Jadi perbezaan kejadian luar biasa yang hakiki dengan kejadian luar biasa majazi ialah: Yang "hakiki" itu ciptaan Allah 'Azza wa Jalla, dan yang "majazi" itu buatan manusia. Dalam pada itu kejadian luar biasa yang "majazi" ini pula bukan semua orang dapat melakukannya kerana rahsia sebab-sebab kejadian tersebut sukar diketahui dan berkehendak kepada diselidik dan dipelajari.

Khāriq lil 'Ādat yang majazi atau dengan lain perkataan: "Perbuatan luar biasa yang majazi" ini, terbahagi pula kepada empat jenis:

1. Yang terjadi kerana pengaruh roh.
2. Yang terjadi kerana pengaruh kekuatan magnet yang ada di dalam tubuh
3. Yang terjadi kerana pengaruh jampi.
4. Yang terjadi kerana pengaruh ubat kimia.

Pengaruh Roh

Kejadian luar biasa yang majazi yang pertama ialah yang terjadi kerana pengaruh roh. Kita manusia ini terdiri daripada roh dan tubuh kasar. Roh itu pula ada dua, "roh haiwan" dan "roh tabiat".

Roh haiwan ialah nyawa atau nafas kita yang gunanya untuk hidup. Roh tabiat itu pula ialah yang menyebabkan manusia mempunyai kesedaran.

Pada asalnya roh itu suci dan baik. Tetapi dengan was-was syaitan, rosaklah roh sebahagian manusia. Inilah dia roh yang jahat. Dari roh yang jahat inilah terbit perkara-perkara yang luar biasa yang disebut "Khāriq lil 'Ādat yang Majazi" dan terbahagi pula kepada dua jenis:

1. Sihir
2. Istidraj

sesuai dengan fiman Allah:

Wa ittabi 'ū mā tatlū al-shayāṭīnu 'ala mulki ṣulayman, wa mā kafara sulaymānu, wa lā kinna al-shayāṭīna kafarū yu 'allimūna al-nāsa al-siḥra wa mā 'unzila 'alā al-malakayni bibābila hārūta wa mārūta, . . . (Sūrat al-Baqarah, 102).

Ertinya. Dan mereka ikut apa yang dibacakan oleh syaitan-syaitan dalam kerajaan Nabi Sulaiman, dan tiadalah Nabi Sulaiman itu kafir tetapi syaitan-syaitan itulah yang kafir, kerana mengajar manusia akan ilmu sihir, dan mereka ikut apa (yakni ilmu sihir) yang diturunkan kepada dua orang ahli sihir yang digelarkan malaikat (kerana amat ghaib sihirnya) iaitu bernama Hārut dan Mārut (yang menduduki Negeri Babylon Sap).

Dengan jelas ayat ini menerangkan bahawa syaitan mendatangkan was-was jahat ke dalam hati manusia, yang menyebabkan roh sebahagian manusia menjadi jahat dan rosak. Kerosakan roh inilah yang mendorong manusia berusaha menjalankan ilmu sihir dan istidraj.

Pengaruh Magnet

Kejadian luar biasa yang majazi yang terbitnya dari pengaruh magnet pula demikian:

Tubuh manusia sebagaimana yang dimaklumi adalah terjadi dari kumpulan zat-zat yang berbutir lagi amat halus, yang disebut “sel” (*cell*). Sel itu pula amat banyak dalam tubuh kita, lebih kurang 300 billion butir sel (yakni angka 3 ditambah dengan 14 sifar dibelakangnya).

Bagaimanapun halusnya, dapat diketahui bahawa sel ini adalah merupakan ruang yang berbilik-bilik. Itulah sebabnya dinamakan sel, kerana erti sel itu ialah bilik-bilik kecil. Bilik-bilik kecil ini pula berisi “proto plasma” (protoplasma), dan pada umumnya protoplasma itu terdiri daripada putih telur (eiwit).

Putih telur itu pula terjadi dari persatuan zat arang, zat lemak (?), zat air, zat ism dan zat belerang.

Keempat-empat zat ini disebut juga anasir, dan telah maklum tiap-tiap anasir berisi “zat tunggal” atau “jawhar al-Fardi” yang sekarang disebut “atom”.

Di dalam atom terdapat zat yang jadi pokok bagi atom yang disebut “inti atom” iaitu: Elektron (*electron*), proton (*proton*), dan reutron (*reutron*).

Elektron mendapat elektrik negatif dan proton mendapat elektrik positif, sedang reutron itu pula tidak mendapat apa-apa dari alam.

Dari sini dapat diketahui bahawa tubuh kita ini ada mengandungi magnet (magnetis – P), iaitu kekuatan “tolak tarik” yang terjadi dengan adanya elektrik negatif dan positif dalam sel-sel tubuh kita.

Dengan latihan yang lama dan dengan syarat-syarat yang kekuatan magnet ini dapat dipusatkan ke mata.

Orang yang telah sanggup mengumpulkan kekuatan magnet ini, inilah yang disebut “magnetisior”.

Orang ini sanggup mengadakan sesuatu yang agak luar biasa, seperti memandang dengan mata sahaja dapat menjadikan orang lain tidur atau menurut kemahuannya.

Inilah sebabnya perbuatan ini disebut Khāriq lil 'Ādat. (Mencarik adat – F.) yang majazi, kerana dapat diusahakan oleh manusia.

Pengaruh Tawar Jampi

Perbuatan luar biasa yang majazi yang terbitnya dari pengaruh tawar jampi pula begini: Melihat kesan-kesan dari pawang-pawang yang menggunakan tawar jampi, tentulah timbul pertanyaan: Dari kekuatan apa terbitnya yang demikian ini?

Sepintas lalu memang terjawab, kerana rahsianya

perbuatan itu tersembunyi. Tetapi apabila kita selidiki dengan menggunakan berbagai-bagai ilmu pengetahuan maka jelaslah kepada kita bahawa itu adalah disebabkan pengaruh yang dapat mengubah perasaan hati dan menjadikan urat saraf bekerja luar biasa sehingga dapat memperbaiki perjalanan darah dan akhirnya penyakit itu sembuh.

Jadi sembuhnya penyakit itu kerana perubahan perjalanan darah oleh hasil pengaruh perasaan hati dan oleh pengaruh ingatan dari hasil bekerjanya otak sebagai pusatnya urat saraf. Itulah sebabnya bila perasaan hati dan ingatan dukun itu tidak sejalan dengan ingatan si sakit, kerap kali jampi itu tidak berhasil, kerana kekuatan ingatannya tidak boleh lagi maka tidak ada pengaruhnya.

Hasil Bahan-bahan Kimia

Kejadian luar biasa yang majazi, yang terjadi kerana bahan-bahan kimia itu demikian:

Yang dimaksudkan dengan bahan-bahan kimia ialah zat-zat murni (bersih) yang telah dipisahkan ilmu kimia. Misalnya belerang yang dijual di kedai-kedai rempah itu masih kotor bercampur dengan warangan-warangan dan lain-lain zat, tetapi kemudian dengan jalan pemisahan ilmu kimia dapat dibersihkan sehingga tinggal zat belerang sahaja, demikian juga halnya lain-lain benda.

Bahan-bahan kimia ini apabila dicampurkan satu sama lain dapat menerbitkan perkara-perkara yang luar biasa dan menghairankan orang-orang yang bukan ahli ilmu kimia.

Misalnya, apabila kita campurkan tawas dengan zarnik (warangan) lalu dihancurkan dengan putih telur, kemudian disapu rata-rata pada tangan kita, dan

sesudah kering, jika tangan kita itu dimasukkan ke dalam api yang menjulang-julang, insya-Allah tidak akan terbakar.

Di sinilah rahsianya orang-orang yang menari di atas api tetapi tidak terbakar sebagaimana yang kerap kali kita lihat. Bagi mereka yang tidak tahu rahsia ini tentulah disangkanya orang itu ahli sihir atau perbuatannya itu luar biasa.

Penjelasan:

Pada amnya sihir itu ada dua jenis: "Sihir rūhī haqīqī" dan "sihir rūhī majāzī".

Sihir hakiki ini ialah sihir yang terjadi oleh pengaruh roh dan pengaruh magnet, dan terbahagi pula kepada dua macam: Pertama, sihir yang pengaruhnya dapat menimbulkan perkara yang sebenar-benarnya terjadi. Misalnya sihir Hārūt dan Mārūt. Bukankah sihir Hārūt dan Mārūt ini betul-betul dapat menceraikan suami dari isterinya? Itulah sebabnya sihir ini dinamakan: "Sihir rūhī haqīqī".

Kedua: Sihir yang pengaruhnya bagaikan bayangan (khayal) sahaja; Tidak ada wujud hakikatnya. Sihir yang demikian ialah sihir ahli sihir Fir'aun yang sanggup mebayangkan atau mengkhayalkan kepada mata orang ramai rupa ular-ular yang amat banyak, pada hal sihir ini ialah: "Sihir rūhī khayālī".

Akan sihir rūhī majāzī pula ialah sihir yang terjadi bukan kerana pengaruh roh, hanya kerana pengaruh jampi, bahan-bahan kimia dan kepandaian silap mata atau songlap.

Kenapa dipandang mustahil?

1. Pengaruh roh kepada tubuh:

Di dalam kitab tafsirnya dan kitab karangannya yang bernama "al-Rūh", al-'Alamat al-Sheikh Ṭanṭawī Jawharī pernah

-sambungan pada muka 40

sambungan dari muka 9

menerangkan bahawa di Eropah seperti di London, orang Eropah telah sanggup memanggil roh orang mati dan berkata-kata dengan dia dengan menggunakan tulisan.

Kalau tak salah, Shaykh Ṭaṇṭawī sendiri pernah pergi kepada “ahli pemanggil roh” di London dan minta berhubung dengan roh Khalifah Hārūn al-Rashid yang masyhur. Oleh itu orang itu pun menggantung lengan Sheikh Ṭaṇṭawī dengan seutas tali dan diberi memegang pensil di atas sehelai kertas putih. Dengan tidak disedari tangan Sheikh Ṭaṇṭawī bergerak menulis dengan sendirinya hingga selesai. Kemudian diperiksa di dapati “tulisan Kufi” (sejenis tulisan Arab nisbah kepada Bandar Kuffah” di negeri Iraq- F.) yang biasa digunakan zaman khalifah Hārūn al-Rashid. Dalam tulisan itu, Khalifah Hārūn al-Rashid menyatakan kesalnya kerana membunuh wazirnya Ja’afar al-Barmakī yang terkorban kerana fitnah.

2. Luar biasa, cara Hindu.

Majalah Mesir bernama “al-Ittihād” (1352 H) menyajikan cerita seorang pengembara dunia bangsa Eropah yang menceritakan suatu kejadian ajaib di India yang berlaku atas diri seorang fakir Hindu bernama “Sagu Hardias”.

Kesimpulan cerita itu demikian:

Fakir ini telah datang ke istana “Ranjit Singh” Raja Punjabi bagi menunjukkan kepandaiannya. Di hadapan doktor-doktor Inggeris dan Perancis dan Gabenor Punjabi, fakir itu dikapankan dan lubang telinga dan hidungnya disumbat dengan kapas dan lilin. Kemudian kapannya dijahit dan dimasukkan ke dalam peti kayu lalu dipaku rapat dan “di-lock” dan dimaterikan dengan cap kerajaan. Peti itu kemudian diletakkan di dalam sebuah bilik kecil di taman istana itu serta dikunci dengan kunci dan kuncinya di-lock dan dimaterikan dengan cap kerajaan. Sesudah itu peti yang tersebut dijaga oleh sepasukan tentera

selama 40 hari.

Setelah genap 40 hari maka peti itu dikeluarkan dengan disaksikan oleh doktor-doktor dan diperiksa dengan rapinya kemudian dibuka lalu didapati fakir Hindu itu dalam keadaan tidak bergerak, seakan-akan mati rupanya tetapi masih ada nafas keluar dari hidungnya. Akhirnya dia beransur-ansur pulih lalu membuka mata dan terus berkata-kata sambil keluar dari peti itu.

“Sudahkah tuanku lihat kebenaran apa yang saya katakan itu?” Katanya kepada maharaja yang sedang terpegun hairan melihat kejadian itu berserta dengan doktor-doktor dan bijak pandai.

Penjelasan:

Kejadian ini menunjukkan bahawa roh ada mempunyai kudrat yang dapat mempengaruhi tubuh kasar sehingga lahir kejadian yang menghairankan.

Jadi kalau fakir Hindu itu dapat hidup hidup di dalam peti selama 40 hari maka kenapa mustahil Nabi Muhammad (SAW) dapat hidup dalam ruangan langit yang tidak ada bahan-bahan pernafasan?

Dengan keadaan yang demikian jelaslah bahawa ‘Isra’ dan Mi‘rāj itu tidak mustahil hanya menghairankan sahaja.

Filem Penyelidikan Kutub Utara

Di antara kita tentu ada yang sudah pernah menonton filem penyelidikan kutub utara yang dilakukan oleh rombongan penyelidikan dari bangsa Inggeris. Penyelidikan itu telah memakan masa selama tiga bulan dan setelah dijadikan filem dapat dilihat hanya dalam masa kira-kira dua jam sahaja.

Demikianlah halnya keadaan-keadaan yang telah dilihat oleh Nabi kita (SAW) dalam “‘Isra’ dan Mikrāj” ialah perkara yang sebenar-benar seperti yang kita lihat dalam filem penyelidikan kutub utara yang kesemuanya benar belaka bukan bayangan yang palsu.

Dari keterangan-keterangan yang telah dibentangkan di atas jelaslah kepada kita hakikat ‘Isra’ dan Mikrāj itu.